


*Kata Kunci:  
Solat  
Kejayaan  
Tenang*



## Majlis Ugama Islam Singapura

### Khutbah Jumaat

30 Januari 2026 / 11 Syaaban 1447H

### Solat – Kunci Kejayaan dan Ketenangan

أَخْمَدَ اللَّهُ الَّذِي هَدَانَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَنْهَتِدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ . أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . أَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتُقْوِيَ اللَّهُ . أُوصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقُدْ فَازَ الْمَتَّقُونَ .

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Jagalah hak Allah atas kita dengan menunaikan kewajipan dan menjauhi larangan-Nya. Semoga kita dikurniakan keberkatan dan **kejayaan** di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Tuan-tuan yang dirahmati Allah sekalian,

Mengapa seorang Muslim dituntut melaksanakan **solat** 5 kali dalam sehari? Dengan mengambil kira masa ibadat yang diluangkan, tidakkah ia menghambat produktiviti?

Mungkin, ada sebahagian manusia yang pernah terdetik sedemikian. Dalam konteks masyarakat hari ini yang mengutamakan kecemerlangan dan **kejayaan**, masa yang kita miliki merupakan satu sumber yang bernilai. Namun, bagi seorang Muslim, **solat** tidak sepatutnya menjadi penghambat kecemerlangan. Sebaliknya, **solat** adalah penguat jiwa dan pemacu kecemerlangan peribadi serta seluruh kehidupan.

Apakah sandaran hujjah saya ini? Perhatikan petunjuk Allah s.w.t. pada ayat pertama dan kedua Surah Al-Mukminun:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاةٍ هُمْ خَاشِعُونَ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya, berjayaalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya.*”

Manakala Rasulullah s.a.w. pula bersabda yang bermaksud: “*Sesungguhnya, amalan pertama yang akan dihitung ke atas seorang hamba pada Hari Kiamat adalah solatnya. Jika solatnya baik, maka dia akan berjaya dan selamat. Dan jika solatnya rosak, maka dia akan rugi dan menghadapi kegagalan.*” (Riwayat al-Tirmizi)

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Benar sekali, **solat** adalah tiang agama. Namun, **solat** tidak wajar dijadikan sekadar rutin yang dilaksanakan bak melepaskan batuk di tangga, asalkan memenuhi kewajipan

agama. Ketahuilah, **solat** adalah satu keutamaan yang membawa banyak manfaat bagi umat manusia.

Di sini, mimbar ingin berkongsi dua mesej utama berkaitan **solat** sebagai pedoman bersama:

**Pertama: Solat adalah kunci kejayaan, bukan penghambatnya**

**Solat** mengingatkan manusia bahawa **kejayaan** yang sebenar tidak dinilai dengan kayu ukur kehidupan material sahaja.

Benar, sebagai Muslim, kita dituntut agar mengurus kehidupan dunia. Mencari nafkah, menyara keluarga dan membina kehidupan yang selesa dan bermakna. Namun, dalam kehidupan, pasti kita akan menghadapi cabaran. Kesusahan adalah satu cabaran dan kesenangan juga adalah ujian. .

Di sinilah **solat** berperanan sebagai satu saluran langsung yang menghubungkan seorang hamba dengan Tuhan-Nya. Dialah yang menjadi sandaran dalam setiap perkara. Ketika dibelenggu kesusahan, kita meminta pertolongan-Nya. Ketika dikurniakan kesenangan, kita tetap memohon bimbingan serta pemeliharaan-Nya menerusi **solat** kita.

**Kedua: Solat melahirkan ketenangan dan ketenteraman jiwa**

Saudara sekalian, banyak aktiviti harian kita terdorong dari tuntutan semasa. Seorang pelajar contohnya, gigih belajar kerana konteks memerlukan dirinya menjadi seorang yang

berilmu dan kemudian dinilai menerusi peperiksaan. Lain halnya dengan **solat**, kerana **solat** adalah usaha yang didorong pilihan dan keyakinan kita sendiri, bukan desakan luaran dan ia dipersembahkan kepada Allah khusus untuk penilaian-Nya.

Di sini, tersirat satu jaminan buat diri kita bahawa Allah s.w.t. sentiasa melihat dan menghargai setiap usaha serta keadaan kita, walaupun manusia mungkin tidak melihatnya. Bagi seorang Muslim, **solat** melahirkan satu **ketenangan** yang sukar didapati dari sumber yang lain.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Barangkali, **ketenangan** inilah yang Rasulullah s.a.w. maksudkan apabila Baginda memerintahkan Sayyidina Bilal r.a.: “*Wahai Bilal, laungkanlah iqamat; tenangkanlah kami dengannya (yakni solat).*” (Riwayat Abu Daud)

Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita hamba-hambaNya yang istiqamah dalam menjaga **solat** dan menerusinya, semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita **kejayaan** di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الْوَحْيِمُ.

## **Khutbah Kedua**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ تَعَالٰى فِيمَا أَمْرَ، وَاتَّهُوا عَمَّا كَاهْكَمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُوا وَسِلُّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حِينَ قَالَ  
فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
صَلُوا عَلَيْهِ وَسِلُّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صِلْ وَسِلْمْ وَبَارُكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَأَرْضَ اللَّهِمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرُّشِيدِينَ الْمُهَدِّيِّينَ سَادِاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ بِقَيْةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَائِبِ وَالْتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعْهُمْ وَفِيهِمْ بِرْ حُمَّتَكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسِلِّمِينَ وَالْمُسِلِّمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْمَرَازِلَ وَالْمَحَنَّ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلْدَنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبَلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ  
اُنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي غَرَّةٍ وَفِي فِلْسَطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا  
رَحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَخُزْنَهُمْ فَرَّحًا، وَهَمْهُمْ فَرَّجًا، يَا  
رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبْ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عَبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يُعَظِّمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَلَاذُكْرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدُوكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَنْدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَاذُكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.